

# Mailis memperingati 21 NOV 1984 keputeraan Nabi 2

**PENCAK SILAT**  
PERSATUAN Islam dan Pencaksilat Singapura (Perpensis), akan menganjurkan beberapa kegiatan sempena mengingati keputeraan Nabi Muhammad selama 12 hari, dari 23 November hingga 3 Disember, di perkarangan Madrasah Al-Maarif, Ipoh Lane.

Selain dari itu, Perpen-

sis juga akan mengadakan satu pertunjukan silat Sunda Kebatinan pada Sabtu, 8 December, mulai 10.00 malam.

Pertubuhan ini juga telah memulakan kursus haji. Kursus itu diadakan pada 8.30 malam, setiap Jumaat dan dipimpin oleh Haji Mohd Taha Suhaimi.

# Perguruan2 silat perlu kumpulan - 6 DEC 1984 sendiri

Oleh ZAWIYAH SALLEH

**PENCAK SILAT - PERSEKUTUAN** Silat Singapura (Persisi) sedang berusaha menggalakkan perguruan-perguruan silat yang bernaung di bawah persatuan budaya setempat agar menubuhkan kumpulan mereka sendiri yang khusus bagi kegiatan silat.

Langkah ini perlu memandangkan hanya dua buah perguruan sahaja yang bergiat khusus bagi silat, manakala perguruan yang lain bernaung di bawah persatuan-persatuan budaya.

Dua buah perguruan itu adalah Persatuan Al-Hak dan Persatuan Silat Setiahati. Setiausaha Persisi, Encik Johari Uriff menyatakan bahawa sejajar dengan usaha itu, ia kini sedang mempergiatkan semula Perguruan Silat Kuningan.

Satu masa dulu Perguruan Silat Kuningan aktif di kawasan Queenstown, dan Persisi mahu menyusun semula perguruan ini.

## Berusaha - 6 DEC 1984

Ia telah membentuk sebuah jawatankuasa sementara untuk berusaha menjadikan Perguruan Silat Kuningan dikenali sebagai sebuah pertubuhan yang tersendiri.

Di samping menggalakkan perguruan silat membentuk pertubuhan mereka sendiri, Persisi juga sedang berusaha membantu perguruan-perguruan yang tidak begitu aktif untuk menghidupkan kembali kegiatan mereka.

Encik Johari menyatakan bahawa antara masalah yang sering dihadapi oleh perguruan ialah masalah kepemimpinan, masalah jurulatih dan tempat latihan.

"Jika mereka menghadapi masalah seperti ini bolehlah berhubung dengan pihak kami secepat mungkin," katanya.

Beliau menambah, ada setengah-setengah perguruan yang tidak dapat bergerak kerana masalah tempat latihan.

Mereka harus menghubungi persatuan itu kerana Persisi dibenarkan menggunakan kelab latihan jurulatih di Persatuan Rakyat (PA), Kallang.

Tempat latihan itu boleh digunakan dua kali seminggu iaitu pada Rabu dan Ahad.

## Benarkan

Sebanyak 14 buah perguruan menjadi anggota Persisi — 10 masih aktif, dua separuh aktif dan dua lagi tidak aktif.

Bagi perguruan silat yang memerlukan bantuan bolehlah menghubungi Encik Johari, telefon 7458669 atau menulis surat ke alamat Blok 10, Eunus Crescent #07-2731, Singapura 1440.